

SIRI KUPASAN ALKITAB

Pembacaan **ALKITAB** Satu-Dengan-Satu



David Helm



**WAWASAN
PENABUR**

Pembacaan Alkitab Satu-Dengan-Satu

Penulis : David Helm
Penterjemah : Lilian Jose
Penyunting : Randy Singkee
Kulit buku : Chiang Juat Chin

Cetakan Pertama: Mac 2018

Petikan Alkitab diambil dari:
Alkitab Versi Borneo © 2016, LAB Network

One To One Bible Reading
A Simple Guide for Every Christian
Hakcipta © Holy Trinity Church (Chicago) 2011

Edisi Asal diterbitkan oleh:
Matthias Media (St Matthias Press)
PO Box 225, Kingsford NSW 2032, Australia
info@matthiasmedia.com.au

Edisi Bahasa Malaysia diterbitkan bersama oleh:

| | |
|--|-------------------------------|
| Wawasan Penabur Sdn. Bhd. | KVBC Trust & CEP |
| P.O.Box: 8327, Pejabat Pos Kelana Jaya | 31A Jalan SS2/64 |
| 46787 Petaling Jaya, Selangor | 47300 Petaling Jaya, Selangor |
| wawasan.penabur@gmail.com | info@kvbctrust.org |

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Daftar Isi



| | |
|--|-----------|
| Bahagian I: Apa, Mengapa dan Bagaimana | 1 |
| 1. Beberapa Orang Yang Anda Kenali | 3 |
| 2. Mengapa Membaca Satu-Dengan Satu | 7 |
| 3. Untuk Siapakah Ini? | 13 |
| 4. Bagaimanakah Saya Dapat Memulakannya? | 17 |
| 5. Bagaimanakah Rupa Pertemuan Itu? | 23 |
| 6. Persediaan | 29 |
| 7. Satu Pengalaman Peribadi | 33 |
| | |
| Bahagian II: Kerangka dan Idea | 35 |
| 8. Dua Kerangka Mudah Untuk Pembacaan Alkitab | 37 |
| 9. Kitab-Kitab Dalam Alkitab Untuk Pelbagai Situasi | 43 |
| 10. Bantuan Dengan Pembacaan Pelbagai Genre Alkitabiah | 51 |
| 11. Lapan Minggu Menelusuri Injil Markus | 65 |
| | |
| Lampiran 1 : Sumber-Sumber Pembacaan Alkitab Satu-Dengan-Satu | 71 |
| | |
| Lampiran 2 : Lembaran Soalan-Soalan KPMA | 79 |

Bahagian

I

**Apa, Mengapa
dan Bagaimana**

A large, semi-transparent background image showing a group of students sitting at a table, reading books. The students are wearing light-colored shirts. The image is slightly blurred and has a soft, warm glow. The students are focused on their reading, and the atmosphere is quiet and studious.

Mengenal Allah berarti mempersilakan Tuhan
mengubah kehidupan kita sesuai dengan kehendak-Nya.



Beberapa Orang Yang Anda Kenali

Anda mungkin mengenali seseorang, mungkin seorang teman sekerja, yang bukan merupakan orang yang ke gereja.

Mari kita namakan dia Andrew. Mungkin anda pernah berbicara tentang hal-hal agama dengannya; atau mungkin juga anda belum pernah. Anda yakin bahawa dia bukan seorang Kristian, namun dia kelihatan seperti ingin tahu mengenai iman anda. Dia juga kelihatan seperti mempunyai beberapa kesalahfahaman tentang apa yang dikatakan dalam Alkitab. Anda tidak mempunyai masa atau peluang yang tepat untuk menjawab soalan-soalannya.

Anda juga mengenali seorang wanita muda di gereja. Mari kita namakannya Juliana. Dia berusia awal dua puluhan dan baru sahaja mula mengikuti kumpulan pengajian Alkitab anda. Dia kelihatan seperti seorang Kristian yang baru percaya, tetapi begitu teruja untuk mempelajari lebih banyak tentang Tuhan.

Anda mungkin mengenali beberapa orang lagi dari gereja – mungkin seorang pemuda Kristian yang menyenangkan dan



sangat komited. Mari namakannya Julius. Sekali dalam sebulan, dia dan isterinya dengan sukarela membantu dalam menjaga kanak-kanak pada hari Ahad. Orang lain sangat menghormatinya dan menghargai apa yang dilakukannya, tetapi dia tidak dirangkul untuk menjadi seorang pemimpin.

Ini adalah tiga peribadi biasa yang sangat serupa dengan orang-orang yang hadir dalam hidup anda. Setiap daripada mereka mempunyai pandangan yang berbeza terhadap Yesus Kristus dan iman kekristianan.

Sekarang, bayangkan anda telah ditugaskan untuk memikirkan satu rancangan bagi pertumbuhan rohani dan pemuridan untuk ketiga-tiga orang ini, atau mereka yang berada dalam situasi yang sama. Satu tugas yang berat! Bagaimana dan di manakah anda akan bermula? Mungkin anda boleh mengajak Andrew ke satu acara penginjilan yang besar di gereja anda. Masalah selesai. Bukankah ada sebuah program pemuridan yang mungkin bermanfaat bagi Juliana? Masalah anda selesai. Hanya tinggal Julius. Apakah yang akan anda lakukan dengannya? Melalui penampilan luarannya, dia dapat membawa diri dengan agak baik. Barangkali ada sebuah kelas minat khusus yang ditawarkan oleh gereja anda yang mungkin akan menarik minatnya? Sekarang semua masalah anda selesai.

Nah, jika ada di antara rancangan-rancangan pertumbuhan rohani itu yang terlintas di fikiran anda, saya ingin anda tahu bahawa anda tidak bersendirian. Tambahan pula, selama beberapa generasi kita telah dikondisikan untuk berfikir mengenai pertumbuhan rohani dari segi sebuah *acara* untuk dihadiri, sebuah *program* untuk diikuti atau sebuah *kelas* untuk diambil. Gereja sering menyalurkan tenaga kreatif mereka untuk memulakan acara-acara, program-program dan kelas-kelas yang direka khas untuk membawa orang kepada Kristus dan membantu mereka untuk bertumbuh dalam iman.

Namun, walaupun beberapa rancangan itu telah berjaya, kita mungkin masih terlepas pandang sesuatu yang lebih dinamik – yang lebih jelas dan lebih tepat untuk masa dan zaman ini – yang mengembalikan pertumbuhan Injil sebagai perkara yang penting dalam perhubungan peribadi, berbanding dengan kebergantungan kepada program-program yang diadakan oleh gereja.

Bayangkan ada cara di mana Andrew, Juliana dan Julius dapat bertumbuh dalam pengetahuan mereka tentang Tuhan Yesus Kristus dengan tujuan yang sama. Mereka dapat dibimbing melalui satu cara yang lebih mendalam dan bermakna, berbanding dengan sebuah acara, program atau kelas. Mereka boleh dibimbing secara individu oleh seseorang yang mengambil berat tentang mereka.

Apakah cara itu? Apakah aktiviti yang sangat mudah dan sangat universal itu yang dapat memenuhi keperluan pemuridan bagi ketiga-tiga peribadi yang berbeza itu?

Kami menamakannya membaca Alkitab satu-dengan-satu. Tetapi apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan membaca Alkitab satu-dengan-satu? Mengapa kita harus melakukannya? Untuk siapakah aktiviti itu?



Kebernaan adalah warisan berharga yang tak lekang oleh zaman dan layak diteruskan dari generasi ke generasi

2

Mengapa Membaca Satu-Dengan-Satu?

Membaca satu-dengan-satu adalah satu variasi mengenai aktiviti orang Kristian yang paling utama — iaitu membaca Alkitab — tetapi dilakukan dalam konteks membaca bersama seseorang yang lain. Ia adalah sesuatu yang seorang Kristian lakukan bersama seorang yang lain, secara tetap, untuk satu tempoh masa yang dipersetujui, dengan niat dan maksud untuk membaca dan membincangkan satu kitab atau sebahagian daripada sebuah kitab dalam Alkitab.¹

Penulis-penulis buku *The Trellis and the Vine* mengimpikan tentang idea ini:

Bayangkan jika semua orang Kristian, sebagai sebahagian daripada rutin pemuridan mereka, terlibat dalam satu jaringan biasa pembacaan Alkitab — bukan sahaja mengkaji Firman Allah secara peribadi, tetapi membacakannya

¹ Idea di sebalik membaca Alkitab satu-dengan-satu dalam cara ini bukan hanya dilakukan oleh kami atau gereja kami sahaja. Kami menemui idea ini pertama kalinya pada pertengahan 1990-an ketika ia digunakan oleh Carrie Sandom dan kumpulannya di Round Church, St Andrew the Great di Cambridge, England. Kami juga mengetahui versi yang serupa digunakan di beberapa gereja di England dan Australia dengan kejayaan yang besar. Akhir sekali, sementara idea ini biasanya digunakan dengan cara satu-dengan-satu, tiada alasan mengapa ia tidak boleh digunakan dengan cara satu-dengan-dua atau satu-dengan-tiga juga.



bersama anak-anak mereka sebelum tidur, bersama pasangan mereka sebelum sarapan pagi, bersama seorang rakan sekerja yang bukan Kristian di tempat kerja sekali seminggu semasa makan tengah hari, bersama seorang Kristian yang baru untuk tujuan pemuridan dan saling mendorong sekali dalam dua minggu, dan bersama seorang rakan Kristian yang dewasa sekali dalam sebulan untuk dorongan bersama.

Ia akan menjadi satu jaringan kelim-kabut perhubungan peribadi, doa dan pembacaan Alkitab – lebih kepada sebuah pergerakan daripada sebuah program – tetapi pada satu sisi yang lain ia adalah sangat mudah dan dapat dilakukan oleh semua orang. Ini adalah satu pemikiran yang menarik!²

Idea yang mudah ini dapat mempengaruhi pertumbuhan Injil secara mendalam – bukan sahaja di dalam kehidupan anda sendiri, tetapi juga dalam kehidupan ahli keluarga dan rakan-rakan anda. Secara spesifik lagi, terdapat sekurang-kurangnya empat manfaat yang nyata dalam pembacaan Alkitab satu-dengan-satu.

1. Penyelamatan

Sebelum ini kita telah membayangkan seorang rakan sekerja yang bernama Andrew. Andrew bukanlah seorang Kristian tetapi dia ingin mengetahui tentang iman anda, dan ada kalanya, bahkan mesej Injil. Dalam situasi anda, Andrew mungkin ialah seseorang di tempat kerja anda, atau seorang sahabat, atau seorang ahli keluarga. Jadi, membaca satu-dengan-satu adalah idea yang terbaik untuk anda dan Andrew. Kitab Yakobus memberitahu kita bahawa firman Allah “dapat menyelamatkan kamu”.³ Malah, selain daripada firman Allah kepada kita mengenai Yesus, mustahil

² T Payne & C Marshall, *The Trellis and the Vine*, Matthias Media, Sydney, 2009, hal. 57.

³ Yakobus 1:21

bagi seseorang itu untuk mengetahui bagaimana dosanya dapat diampuni dan dirinya diterima oleh Yesus. Rasul Petrus menyebut hal yang sama dalam salah satu suratnya: “kerana kamu telah dilahirkan semula, bukan daripada benih yang dapat dibinasakan tetapi daripada yang tidak mungkin dimusnahkan, melalui firman Allah yang hidup kekal selama-lamanya”.⁴ Dari ayat-ayat ini jelaslah bahawa pembacaan Alkitab adalah sangat penting, bukan sahaja bagi orang Kristian tetapi juga untuk orang bukan Kristian.

2. Penyucian

Orang Kristian juga dipanggil untuk *saling* menggalakkan dan *saling* meneguhkan.⁵ Mereka dipanggil untuk saling menasihati, saling bercakap benar dalam kasih, saling mengajar dan menasihati dengan segala kebijaksanaan daripada kata-kata Kristus, dan saling memperhatikan satu sama lain untuk menimbulkan kasih dan perbuatan yang baik.⁶ Dalam suratnya yang pertama, Petrus menyatakan bahawa *Firman* yang telah menyelamatkan kita adalah *Firman* yang sama yang meneguhkan iman kita. Dia menulis: “Seperti bayi yang baru lahir, hendaklah kamu selalu haus akan air susu suci firman Allah, supaya kamu bertumbuh subur sehingga beroleh penyelamatan”.⁷ Dalam ayat yang lain, rasul Paulus menjelaskan tentang kebergunaan dan keserbagunaan Alkitab, menyatakannya sebagai “Kitab Suci diilhamkan oleh Allah, berguna untuk mengajar, menegur, membetulkan dan mendidik ke arah kebenaran”.⁸ Orang Kristian dipanggil untuk hidup *bersama* sebagai Kristian, mengasahi orang di sekeliling mereka dan mengkhabarkan kebenaran Allah kepada mereka.

⁴ 1 Petrus 1:23; lihat juga Roma 10:10-14

⁵ 1 Tesalonika 5:11, Ibrani 3:13, Efesus 4:29

⁶ Roma 15:14, Efesus 4:15, Kolose 3:16, Ibrani 10:24

⁷ 1 Petrus 2:2

⁸ 2 Timotius 3:16



Fikirkan tentang Juliana dan orang sepertinya. Apakah yang benar-benar diperlukan olehnya untuk bertumbuh dalam iman barunya? Bukankah apa yang diperlukannya adalah pendedahan kepada firman Allah? Bukankah Alkitab menjanjikan kepada kita bahawa Allah akan menggunakan firman-Nya untuk mengajar kita bagaimana untuk mengikut Kristus? Membaca Alkitab satu-dengan-satu menyediakan satu cara yang terbaik bagi orang Kristian untuk saling meneguhkan dalam perjalanan menuju penyucian.

3. Pelatihan

Pembacaan satu-dengan-satu boleh digunakan untuk mengenal pasti dan melatih orang untuk tanggungjawab pelayanan yang lebih besar. Dalam erti kata lain, ia adalah satu rancangan yang sempurna bagi seseorang yang seperti Julius. Kebanyakan gereja dipenuhi dengan orang yang mengasihi Yesus dan terlibat dalam apa sahaja cara yang mereka merasakan bahawa mereka mampu melakukannya. Kenyataannya, mereka menantikan seseorang untuk 'melabur' dalam hidup mereka bagi pekerjaan Injil. Bayangkan perkara-perkara yang orang seperti Julius dapat lakukan untuk Kristus jika seseorang melabur dalam hidup mereka untuk pelayanan Firman. Jangan lupa, Yesus memfokuskan pelayanan-Nya dalam mengajar dua belas orang murid, dan daripada dua belas orang itu Dia menumpukan perhatian-Nya kepada tiga orang: Petrus, Yohanes dan Yakobus.

Pada hari ini mesej mengenai Yesus disebarkan dengan cara yang sama seperti pada masa yang lalu. Pelaburan kepada hanya beberapa orang saja mungkin kelihatan seperti tidak menggunakan masa dengan efisien. Tetapi melalui hanya beberapa orang sahaja inilah Injil Kristus telah tersebar hingga ke hujung dunia, mengumpulkan orang dari segala bangsa ke dalam kerajaan-Nya – ini tidak termasuk

transformasi budaya-budaya, memperbaiki undang-undang, membangun universiti dan hospital, mengilhami para pemuzik dan pelukis, dan menjangkau orang miskin serta orang yang dipinggirkan.

4. Perhubungan

Sifat *peribadi* pembacaan Alkitab satu-dengan-satu adalah satu lagi alasan mengapa setiap orang Kristian harus mempertimbangkan untuk melakukan idea ini. Pada zaman ini, manusia haus akan hal-hal mengenai perhubungan. Bahasa persahabatan telah menjadi satu kata kerja. Kita “bersahabat” beberapa kenalan hanya dengan menekan butang di FaceBook. Pembacaan Alkitab satu-dengan-satu menawarkan percubaan untuk melahirkan persahabatan-persahabatan yang sejati dan perhubungan-perhubungan yang lebih erat. Aspek peribadi inilah yang menarik minat ramai orang. Pertimbangkan hal ini daripada hasil penyelidikan Ed Stetzer:

Kami telah meminta sejumlah 1,000 orang yang tidak pergi ke gereja yang berumur sekitar 20-an (900 orang Amerika, 100 orang Kanada), dan kami bandingkan mereka dengan satu sampel 500 orang yang lebih tua yang tidak pergi ke gereja (berusia 30 tahun dan ke atas)

Salah satu soalan yang kami tanyakan kepada mereka ialah adakah mereka bersetuju dengan pernyataan ini: “Saya sanggup belajar Alkitab jika ada seorang sahabat mengajak saya untuk melakukannya”. Daripada kumpulan umur 20-an, 61 peratus berkata, “Ya”. Dan daripada kumpulan yang berusia 30 tahun dan ke atas, 42 peratus menjawab, “Ya”. Perbezaan statistik yang ketara ini menunjukkan bahawa ada sesuatu yang sedang berlaku, di mana ada satu keterbukaan di sana. Jadi kita melihat itu sebagai satu peluang – bahawa walaupun mungkin ada pandangan-pandangan yang negatif tentang gereja, tetapi juga ada satu keterbukaan terhadap



hal-hal mengenai Allah.⁹

Jadi, mengapa membaca Alkitab satu-dengan-satu dengan seorang yang lain? Kita melakukannya kerana keyakinan kita tentang kuasa firman Allah. Apabila orang terdedah kepadanya, mereka akan menemukan penyelamatan dalam Kristus, mereka akan disucikan dalam iman, mereka akan dilatih untuk pelayanan yang lebih berkesan, dan mereka akan menemukan komuniti dalam satu jaringan perhubungan yang tidak dapat diberikan oleh dunia.

⁹ Ed Stetzer, *How Unbelievers View the Church*, program radio, The Albert Mohler Program, 30 Julai 2009. Untuk maklumat yang lebih mengenai perkara ini lihat buku Stetzer (bersama Richie Stanley dan Jason Hayes): *Lost and Found: The Younger Unchurched and the Churches that Reach Them*, B & H Publishing Group, Nashville, 2009.

Bahagian *II*

Kerangka dan Idea

A large, semi-transparent photograph of a young woman with dark hair, wearing a red t-shirt, sitting in a classroom. She is looking down at an open book she is holding in her hands. She is holding a blue pen over the book. The background is blurred, showing other students in a classroom setting.

Berusaha memahami apa yang terkandung dalam Alkitab tanpa anugerah-Nya adalah sama seperti membaca huruf-huruf Alkitab tanpa mata. — Uskup Beveridge

8

Dua Kerangka Mudah Untuk Pembacaan Alkitab

Ramai orang mendapati dua cara atau kerangka yang berikut sangat membantu dalam pembacaan Alkitab, terutama sekali bagi yang baru ingin bermula. Jika anda masih baru dalam pembacaan Alkitab satu-dengan-satu, gunakanlah salah satu daripada kerangka ini sekerap yang mungkin untuk membantu anda memahami teks Alkitab dan mula menimba kekayaannya.

1. Kaedah Swedish

Ini adalah satu kerangka yang sangat mudah, langkah demi langkah bagi orang yang berasa ragu-ragu akan kebolehan mereka untuk memulakan pembacaan Alkitab satu-dengan-satu. Anda boleh bermula dengan pendekatan ini (mungkin untuk seketika) dan kemudian beralih kepada cara KPMA yang lebih menyeluruh (lihat yang berikut) apabila anda berasa lebih yakin untuk meneruskannya.

Cara mudah untuk membaca Alkitab ini diperkenalkan oleh Ada Lum, seorang staf IFES (International Fellowship of Evangelical Students). Dia menamakannya bersempena dengan sekumpulan pelajar Sweden yang dilihatnya sedang



menggunakan cara tersebut. Caranya adalah seperti yang berikut:

1. Baca petikan tersebut dengan suara yang kedengaran.
2. Kemudian setiap orang membaca semula petikan tersebut masing-masing, dan mencari tiga perkara:



Mentol lampu: apa-apa sahaja yang menonjol dan yang menarik perhatian dalam petikan tersebut; ia mungkin sesuatu yang penting, atau sesuatu yang menarik perhatian si pembaca.



Tanda soal: apa-apa sahaja yang sukar untuk difahami; sesuatu yang si pembaca ingin tanyakan kepada penulisnya.



Anak panah: apa-apa sahaja yang dapat diaplikasikan secara peribadi dalam kehidupan si pembaca.

3. Setiap orang harus menulis sekurang-kurangnya satu perkara dan tidak melebihi tiga bagi setiap kategori. Jika anda sedang melakukan persediaan awal untuk pertemuan satu-dengan-satu anda, maka ini adalah sebahagian daripada persediaan itu. Setiap orang harus datang ke pertemuan itu dengan sekurang-kurangnya satu mentol lampu, satu tanda soal, dan satu anak panah daripada petikan itu.

Jika kumpulan anda tidak melakukan persediaan, maka anda harus memperuntukkan masa bagi setiap orang untuk membaca kembali petikan itu dan menuliskan mentol lampu, tanda soal dan anak panah mereka. Anda boleh memperuntukkan 5-10 minit untuk ini, bergantung kepada panjang petikan tersebut.

4. Setiap orang berkongsi tentang mentol lampu masing-masing, dan bincangkan.
5. Setiap orang berkongsi tentang tanda soal masing-masing, dan kemudian cari jawapannya bersama dengan bersungguh-sungguh daripada petikan itu (walaupun pada akhirnya kamu mungkin tidak menemukan jawapannya).
6. Setiap orang berkongsi tentang anak panah masing-masing, dan bincangkan.
7. Berdoa bersama mengenai apa yang telah kamu pelajari.

Apabila keyakinan diri anda meningkat dan anda semakin mengenali Alkitab, maka anda boleh memperkembangkan skop perkara yang anda cari atau pertimbangkan semasa anda membaca Alkitab. Sebagai contoh, anda boleh mengenal pasti idea utama bagi petikan itu (dengan menggunakan satu **simbol hati**); atau anda boleh menulis nama-nama orang yang mungkin akan dapat manfaat jika anda kongsi apa yang anda telah pelajari (dengan menggunakan satu **simbol gelembung dialog**), dengan tujuan untuk berbicara kepada orang tersebut sebelum pertemuan anda yang seterusnya. Semuanya terpulung kepada anda bagaimana anda ingin mempelbagaikan dan mengembangkan kaedah yang asas ini.

Kebaikan terbesar kaedah Swedish ini ialah kesederhanaannya. Ia adalah satu cara yang sangat berkesan untuk memulakan pembacaan Alkitab bersama, terutama sekali dengan orang yang masih baru terhadap Alkitab atau orang yang kurang yakin dengan kebolehan mereka untuk membaca Alkitab bagi diri mereka sendiri.



2. Kaedah KPMA

Apabila anda menjadi lebih berpengalaman dalam pembacaan Alkitab, atau jika anda menemui seorang Kristian yang lebih dewasa, anda tidak akan berasa ragu-ragu lagi untuk menelaah Alkitab dengan lebih mendalam. Kaedah KPMA adalah satu alat yang sangat baik untuk pembacaan Alkitab satu-dengan-satu, kerana ia sangat fleksibel dan ia membantu orang mengintegrasikan pembacaan Alkitab mereka yang secara peribadi dengan gambaran Alkitab yang lebih besar – pernyataan kisah pemerintahan Yesus Kristus yang menjurus kepada penyelamatan. Sebagai satu hasil, kaedah ini membantu orang untuk mengelakkan kesukaran-kesukaran biasa dalam pemahaman Alkitab. Walaupun ia adalah satu kaedah yang lebih baik daripada kaedah Swedish, kaedah KPMA ini tetap dapat digunakan dengan mudah oleh orang yang tidak biasa membaca Alkitab dengan mendalam.

KPMA bermaksud:

- Konteks**
- Pemerhatian**
- Maksud**
- Aplikasi**

Sesungguhnya ini adalah satu ringkasan tentang bagaimana kita membaca segala sesuatu. Bahkan jika kita membaca sebuah artikel dari surat khabar, kita akan memperhatikan apa yang kita baca dan bagaimana ia dipadankan dengan hal-hal di sekelilingnya (**konteks**); kita membaca perkataan-perkataan, ayat-ayat dan perenggan-perenggan, mengambil tahu peristiwa-peristiwa, watak dan isi kandungan yang utama (**pemerhatian**); kita mengintegrasikan apa yang kita fikirkan dan membuat satu kesimpulan tentang apa yang cuba disampaikan oleh si penulis (**maksud**); dan kita merenungkan sama ada mesej penulis itu relevan atau tidak dalam kehidupan kita (**aplikasi**).

Ia boleh menjadi sangat berguna apabila kita membaca Alkitab mengikut proses KPMA ini, kerana ia menggalakkan kita untuk bertanya soalan-soalan yang baik mengenai teks tersebut dan cuba untuk memahaminya secara jelas dan menyeluruh. Apabila kita membaca satu-dengan-satu, ia juga sangat membantu dalam menghidupkan perbualan. Kamu boleh melakukan empat langkah ini bersama-sama dan membuat beberapa kesimpulan, tanpa membuang banyak masa untuk membincangkan pendapat atau pemerhatian rawak yang berbeza.

Satu pertemuan pembacaan Alkitab satu-dengan-satu yang menggunakan cara KPMA akan berjalan seperti berikut:

1. Baca petikan tersebut dengan suara yang kuat.
2. Anda menanyakan beberapa soalan **konteks** bagi teks itu:
 - Apakah jenis penulisan ini? (Sepucuk surat, sebuah naratif, sebuah puisi?)
 - Adakah apa-apa pembayang tentang keadaan semasa ia ditulis?
 - Apakah yang telah berlaku setakat ini?
3. Anda menanyakan beberapa soalan **pemerhatian** mengenai teks itu:
 - Adakah terdapat apa-apa pembahagian atau pemisahan yang ketara dalam teks tersebut?
 - Apakah isi-isi dan butiran pentingnya?
 - Apakah kejutan yang terdapat di dalamnya?
 - Apakah kata-kata kuncinya? Apakah perkataan atau idea yang diulang?
4. Anda menanyakan beberapa soalan **maksud** mengenai teks tersebut:



- Bagaimana teks itu berhubung-kait dengan bahagian lain dalam kitab itu?
 - Bagaimana petikan itu berhubung-kait dengan Yesus?
 - Apakah yang diajarnya mengenai Allah?
 - Bagaimanakah kita menyimpulkan maksud petikan ini dengan menggunakan perkataan kita sendiri?
5. Anda menanyakan beberapa soalan **aplikasi** bagi teks tersebut:
- Bagaimanakah petikan itu mencabar (atau mengesahkan) pemahaman saya?
 - Apakah ada apa-apa sikap yang saya perlu ubah?
 - Bagaimanakah petikan ini menyeru kepada saya untuk mengubah cara bagaimana saya hidup?
6. Berdoa bersama mengenai apa yang kamu telah pelajari.

Jika anda sedang membuat persediaan untuk pertemuan satu-dengan-satu anda, empat set soalan ini boleh membangun kerangka bagi persediaan anda. Setiap orang akan berusaha untuk datang ke pertemuan itu dengan menulis sesuatu di bawah setiap kategori: konteks, pemerhatian, maksud dan aplikasi.

Salah satu kekuatan utama bagi pendekatan KPMA dalam pembacaan Alkitab adalah ia sangat mudah diaplikasikan dalam pelbagai genre kesusasteraan yang kita temui dalam Alkitab – Injil, surat-surat, naratif, puisi, nubuatan, kata-kata hikmat dan sebagainya. Untuk bantuan dalam menyesuaikan diri dengan soalan-soalan KPMA bagi setiap genre utama yang kita temui dalam Alkitab, lihat Bab 10: 'Bantuan Dengan Pembacaan Perbagai Genre Alkitabiah'.